

MINIT MESYUARAT 2:1/2012
KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI)

Tarikh: 19 Oktober 2012, Jumaat

Masa: 2.30-5.00 petang

Tempat: Bilik Mesyuarat Bangkok Room, Asia e University

Senarai kehadiran

1. Encik Azman Abdul Rahim (UNITAR) – Pengerusi
2. Puan Kamariah Ramli (UNITAR) - Setiausaha
3. Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff (Asia e-University)
4. Encik Zairul Nizam Zainol (Asia e-University)
5. Puan Nuraini Zolkefali (KLIU)
6. Puan Fauziah Abdullah (Monash University)
7. Sahril Lariwoo (PNM)
8. Cik Wan Rohani Wan Chin (UNIRAZAK)
9. Razman Shah Mohd Razali (IMU)
10. Kayathri Logenathan (Bahagian Governan IPTS, MOHE)

Tidak hadir dengan sebab

1. Encik Hasbullah Atan (Albukhary International University)
2. Puan Zuhariah Mohd Nordin (International Medical University)
3. Mr Jason Andrew Polko (KLIU)
4. Mohd Hanif Abdul Malek (INCEIF)
5. Puan Emily Lim Suan Hoon (UTAR)
6. Encik Mohamad Hanif (KIA)
7. Mrs Lee Siew Voon (KDU)

1. Ucapan aluan Pengerusi

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran AJK dan memberitahu tentang ahli yang tidak dapat hadir serta sebab-sebabnya.

2. Pembentangan dan pengesahan Minit Mesyuarat KKPI (1:1/2012)

- 2.1. Pengerusi mencadangkan Puan Munisah dari Asia e University untuk mengesahkan minit mesyuarat (1:1/2012) disebabkan ketidakhadiran beliau pada mesyuarat tersebut.
- 2.2. Semua ahli mesyuarat bersetuju mengesahkan minit yang lepas.
- 2.3. Minit mesyuarat akan dihantar kepada YDP PPM, Dr Shariff.

3. Laporan Jawatankuasa Kecil Kumpulan

3.1. Jawatankuasa Kecil Kumpulan Pangkalan Data (diketuai oleh Puan Lee Hui Ken)

3.1.1. Tiada wakil dari jawatankuasa kecil ini hadir ke mesyuarat pada kali ini.

Walaubagaimanapun, satu kajiselidik peringkat awal bagi persetujuan pembentukan konsortium langganan pangkalan data elektronik telah diadakan oleh Jawatankuasa Kecil Kolaborasi dan Pembangunan (Diketuai oleh En. Azman). Maklum balas yang diterima dari 19 buah IPTS adalah amat menggalakkan, semua bersetuju untuk membentuk satu konsortium pangkalan data elektronik.

MINIT MESYUARAT 2:1/2012
KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI)

3.1.2. Tindakan sekreteriat: Jawatankuasa Kecil Kolaborasi dan Pembangunan akan menyerahkan Maklum balas Kajiselidik tersebut kepada Jawatankuasa Kecil Kumpulan Pangkalan Data untuk tindakan lanjut.

3.2 Jawatankuasa Kecil Kolaborasi dan Pembangunan (Diketuai oleh En. Azman)

3.2.1 Encik Azman membentangkan penetapan dan bidang tugas Jawatankuasa Kecil Kolaborasi dan Pembangunan. Beliau meminta persetujuan mesyuarat supaya melantik ketua baru bagi jawatankuasa kecil ini dan akan dibincangkan pada mesyuarat akan datang.

3.2.2 Encik Azman telah berhubung dengan Pengerusi PERPUN, Encik Amir bagi membentuk kerjasama menerusi pangkalan data MYTO dan My U-list. Untuk permulaan satu demonstrasi bagi pangkalan data tersebut telah dicadangkan oleh pengerusi PERPUN dan maklumat lanjut akan dibentangkan oleh Encik Azman pada mesyuarat akan datang.

3.2.3 Pihak pengurusan UNITAR International University (UNITAR) telah bersetuju untuk meminjamkan domain bagi pembangunan laman sesawang PPKI yang akan beroperasi di alamat sesawang *kkpi.unitar.my* . Antara kandungan laman sesawang yang dicadangkan adalah seperti berikut :

3.2.3.1 Direktori bagi perpustakaan IPTS

3.2.3.2 Berita-berita semasa seperti seminar dan bengkel yang di adakan oleh perpustakaan IPTS

3.2.4 Ahli jawatankuasa meminta pihak PNM membenarkan kakitangan perpustakaan IPTS menyertai program latihan yang dianjurkan oleh PNM sepanjang tahun. Maklumat mengenai latihan dicadangkan untuk di muatkan di dalam laman sesawang kkpi.

3.2.5 Pelan Tindakan Bagi Tahun 2013 :

3.2.5.1 Laman sesawang KKPI dijadualkan siap pada Januari 2013

3.2.5.2 Perjumpaan dengan PERPUN mengenai kolaborasi dan perkongsian sumber MYTO dan lain-lain program usahasama akan diadakan pada bulan November.

3.3 Laporan Jawatankuasa Standard Perpustakaan (Diketuai oleh Pn. Munisah)

3.3.1 Jawatankuasa melalui ketuanya, Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff membentangkan draf cadangan Standard Perpustakaan Bagi IPTS. Walaubagaimanapun, beliau menyatakan kesukaran untuk merangka standard dan memerlukan input dan kepakaran dari ahli jawatankuasa yang lain. Pengerusi melalui persetujuan ahli mencadangkan ahli-ahli berikut untuk menyertai jawatankuasa Standard Perpustakaan :

1. Encik Azman Abdul Rahim – UNITAR

2. Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff – AeU

3. Wakil dari MSU

4. Puan Fauziah Abdullah – Monash University

5. Wakil dari IMU

6. Wakil dari Infrastructure University KL

3.3.2 Satu mesyuarat akan diadakan oleh ahli jawatankuasa baru bagi merangka draf standard yang baru

MINIT MESYUARAT 2:1/2012
KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI)

4. Perkara-perkara lain

- 4.1 Mesyuarat telah membincangkan persoalan mengenai Kumpulan Kerja Perpustakaan IPTS – samada penyertaan ingin dihadkan kepada kategori Universiti/Universiti Kolej/Kolej. Penjelasan dan keputusan bersama dijangka akan dilakukan pada mesyuarat agung tahunan akan datang.

5. Ucapan penangguhan

- 5.1 Mesyuarat selanjutnya akan diadakan pada bulan Februari 2013 dan akan dipengerusikan oleh En. Azman Abdul Rahim dari UNITAR.

Disediakan oleh:

KAMARIAH RAMLI
Setiausaha

Disahkan oleh:

AZMAN ABDUL RAHIM
Pengerusi KKPI

